



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Bahagian Kemahiran dan Teknikal,
Tingkat 20 & 21, Ibu Pejabat MARA,
Jalan MARA,
50609 Kuala Lumpur.

Tarikh : 7 Februari 2018
Bil. MARA : BKT 9/7 Jilid 1

SURAT EDARAN BAHAGIAN KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL BIL. 2/2018

KONVOKESYEN PERDANA INSTITUSI PENDIDIKAN MARA (KKTM, KPM, MJII DAN IKM) 2018

1.0. TUJUAN

- 1.1. Surat Edaran ini bertujuan memaklumkan bahawa MARA akan mengadakan majlis Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA yang melibatkan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Kolej Profesional MARA (KPM), MARA-Japan Industrial Institute (MJII) dan Institut Kemahiran MARA (IKM) secara berpusat pada 9 hingga 12 April 2018 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).
- 1.2. Majlis konvokesyen ini bertujuan untuk meraikan graduan program perdana yang telah menamatkan pengajian bagi sesi Januari - Jun 2017 dan Julai - Disember 2017 untuk graduan KKTM, MJII dan IKM. Manakala bagi graduan KPM, majlis konvokesyen ini adalah untuk graduan yang menamatkan pengajian bagi sesi Januari - Mei 2017, Jun - September 2017 dan Oktober - Januari 2018.

2.0. PENDAHULUAN

- 2.1. Surat edaran dikeluarkan bertujuan memudahkan penyelarasan dan pentadbiran oleh pihak KKTM, KPM, MJII dan IKM dalam urusan berkaitan pelaksanaan Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA 2018.
- 2.2. Klausula ini boleh diubahsuai berdasarkan keperluan semasa dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa Induk Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA 2018.

3.0. ERTIKATA

Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya dalam surat edaran ini, tafsiran di bawah hendaklah diikuti:

- 3.1. “JKIK” bermakna Jawatankuasa Induk Konvokesyen.
- 3.2. “Program Perdana” bermakna program sijil atau diploma yang ditawarkan secara sepenuh masa merangkumi tempoh pengajian antara dua (2) hingga tiga (3) tahun di KKTM, KPM, MJII atau IKM.
- 3.3. “Sijil dan Diploma” bermakna penganugerahan yang dikeluarkan oleh MARA kepada pelajar KKTM, KPM, MJII dan IKM yang telah menamatkan pengajian dan memenuhi syarat bergraduasi.
- 3.4. “Senat” bermakna Jawatankuasa Tertinggi peringkat Bahagian Kemahiran dan Teknikal (BKT) atau Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) yang bertanggungjawab dalam hal-hal pengajian.

4.0. NAMA RASMI MAJLIS

Nama rasmi bagi majlis konvokesyen untuk graduan KKTM, KPM, MJII dan IKM ini dinamakan sebagai **KONVOKESYEN PERDANA INSTITUSI PENDIDIKAN MARA (KKTM, KPM, MJII DAN IKM) 2018**.

5.0. JAWATANKUASA INDUK KONVOKESYEN (JKIK)

- 5.1. Penasihat
Penasihat majlis Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA (KKTM, KPM, MJII dan IKM) 2018 adalah Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan).

- 5.2. Pengerusi
Pengerusi majlis Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA (KKTM, KPM, MJII dan IKM) 2018 adalah Pengarah BKT dan Pengarah BPT.
- 5.3. Pelantikan Jawatankuasa Induk
Pengarah BKT dan Pengarah BPT berkuasa melantik beberapa Ahli Jawatankuasa Induk bagi sesuatu masa untuk mengendalikan pelaksanaan Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA (KKTM, KPM, MJII dan IKM) 2018.
- 5.4. JKIK bertanggungjawab memastikan majlis konvokesyen dapat dilaksanakan dengan lancar dan jayanya.
- 5.5. Tugas-tugas JKIK adalah seperti berikut:
 - (a) Menyediakan garis panduan pelaksanaan majlis konvokesyen
 - (b) Menyelia dan mengemaskini persediaan majlis konvokesyen
 - (c) Mencadang penambahbaikan kepada aspek pelaksanaan majlis konvokesyen
 - (d) Mengurus dan melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan majlis konvokesyen
 - (e) Menjalankan tugas-tugas yang ditetapkan dan melaksanakan semua tindakan yang diputuskan oleh mesyuarat JKIK
 - (f) Memantau pelaksanaan majlis konvokesyen
 - (g) Melakukan *Post-Mortem* bagi tujuan penambahbaikan majlis konvokesyen akan datang
 - (h) Penjanaaan pendapatan melalui penjualan pakej promosi

6.0. GRADUAN YANG TERLIBAT

- 6.1. Majlis konvokesyen ini hanya melibatkan pelajar program perdana KKTM, KPM, MJII dan IKM serta telah menamatkan pengajian dengan jayanya.
- 6.2. Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA (KKTM, KPM, MJII dan IKM) 2018 ini hanya melibatkan graduan KKTM, KPM, MJII dan IKM di Semenanjung Malaysia sahaja.
- 6.3. Manakala IKM Kota Kinabalu, IKM Kuching dan IKM Bintulu dibenarkan mengadakan konvokesyen di institusi masing-masing.

Akan tetapi bagi graduan IKM tersebut yang berhasrat untuk menghadiri konvokesyen di PICC adalah dibenarkan.

- 6.4. Graduan KKTm, MJII dan IKM yang akan menyertai konvokesyen pada kali ini adalah mereka yang telah menamatkan pengajian bagi sesi berikut:
 - (a) Januari - Jun 2017
 - (b) Julai - Disember 2017
- 6.5. Manakala, graduan KPM yang akan menyertai konvokesyen pada kali ini adalah mereka yang telah menamatkan pengajian bagi sesi:
 - (a) Januari - Mei 2017
 - (b) Jun - September 2017
 - (c) Oktober - Januari 2018

7.0. KELAYAKAN MENYERTAI KONVOKESYEN

- 7.1. Graduan KKTm, MJII dan IKM layak menyertai Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA 2018 sekiranya mematuhi syarat-syarat berikut:
 - (a) Telah menamatkan pengajian dan bergraduat bagi program sepenuh masa di mana-mana KKTm, MJII dan IKM.
 - (b) Mematuhi syarat penganugerahan seperti yang dinyatakan di dalam Peraturan 13, Peraturan Akademik Kolej Kemahiran Tinggi MARA / Institut Kemahiran MARA (Edisi 2013) iaitu:
 - (i) Memperolehi CGPA 2.00 atau lebih pada semester akhir pengajian; dan
 - (ii) LULUS dalam semua kursus yang diwajibkan bagi sesuatu program; dan
 - (iii) LULUS Ko-Kurikulum (sekurang-kurangnya 2 semester); dan
 - (iv) LULUS Latihan Industri (berdasarkan syarat bagi sesuatu program); dan
 - (v) LULUS Bahasa Melayu di peringkat SPM/SPM(V).

- 7.2. Graduan KPM layak menyertai Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA 2018 sekiranya mematuhi syarat-syarat berikut:
- (i) Memperolehi CGPA 2.00 atau lebih pada semester akhir pengajian; dan
 - (ii) LULUS dalam semua kursus yang diwajibkan bagi sesuatu program; dan
 - (iii) LULUS Ko-Kurikulum (sekurang-kurangnya 2 semester); dan
 - (iv) LULUS Latihan Industri (berdasarkan syarat bagi sesuatu program); dan
 - (v) Kredit Bahasa Melayu di peringkat SPM/SPM(V).
- 7.3. Graduan sebagaimana klausa 7.1 dan 7.2 adalah layak untuk dicalonkan sebagai penerima Anugerah-Anugerah berikut:
- (a) Anugerah Graduan Terbaik Keseluruhan
 - (b) Anugerah Graduan Cemerlang
 - (c) Anugerah Graduan Keusahawanan Terbaik
 - (d) Anugerah Industri
 - (e) Anugerah Badan Persijilan / Pentauliahan Luar

8.0. TEMPAT DAN TARIKH KONVOKESYEN

- 8.1. Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA (KKTM, KPM, MJII dan IKM) 2018 akan diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan tertakluk kepada kehadiran graduan seperti ketetapan di bawah:

| | |
|---------------------------|--|
| Tarikh Raptai | : 9 April 2018 (Isnin) |
| Tarikh Konvokesyen | : 10 hingga 12 April 2018 (Selasa, Rabu dan Khamis) |
| Bilangan Sidang | : Enam (6) Sidang |

8.2. Jadual Pendaftaran dan Konvokesyen adalah seperti berikut:

| Tarikh Pendaftaran & Pengambilan Jubah | Sidang | Tarikh Konvokesyen | Graduan |
|--|----------|--|--|
| 9 April 2018 (Isnin) 8.00 pagi Raptai 9.30 pagi | 1 | 10 April 2018 (Selasa) 7.00 pagi | Diploma dan Sijil (KKTm, KPM dan IKM) |
| 9 April 2018 (Isnin) 2.00 petang | 2 | 10 April 2018 (Selasa) 1.00 petang | Diploma (KKTm, KPM dan IKM) |
| 10 April 2018 (Selasa) 8.00 pagi | 3 | 11 April 2018 (Rabu) 7.00 pagi | Diploma (KKTm, KPM dan IKM) |
| 10 April 2018 (Selasa) 2.00 petang | 4 | 11 April 2018 (Rabu) 1.00 petang | Diploma dan Sijil (KPM dan IKM) |
| 11 April 2018 (Rabu) 8.00 pagi | 5 | 12 April 2018 (Khamis) 7.00 pagi | Diploma dan Sijil (KPM dan IKM) |
| 11 April 2018 (Rabu) 2.00 petang | 6 | 12 April 2018 (Khamis) 1.00 petang | Diploma dan Sijil (KPM dan IKM) |

8.3. Susunan sidang graduan lengkap di **Lampiran 1**.

8.4. Semua **graduan** bagi **Sidang 1** hendaklah menyertai **raptai pada 9 April 2018 jam 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari**.

8.5. Graduan bagi KKTm, MJII dan IKM boleh menyemak dari masa ke semasa mengenai sebarang maklumat majlis konvokesyen termasuk susunan graduan mengikut sesi dan program melalui laman web seperti berikut:

(a) <http://www.ekemahiran.edu.my>

(b) <http://www.facebook.com/ekemahiran>

8.6. Manakala, graduan bagi KPM boleh menyemak dari masa ke semasa mengenai sebarang maklumat majlis konvokesyen termasuk susunan graduan mengikut sesi dan program melalui laman web berikut:

(a) <http://www.konvokesyenkpm.my/>

(b) <http://www.facebook.com/kolejprofesionalmara.kolejmara>

9.0. BAYARAN GRADUASI

- 9.1. Graduan yang akan menghadiri majlis konvokesyen ini adalah diwajibkan membayar bayaran graduasi sebanyak **RM260.00** (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Enam Puluh Sahaja).
- 9.2. Graduan KKTU, KPM, MJII dan IKM yang akan menghadiri majlis konvokesyen ini hendaklah menjelaskan bayaran graduasi sebelum atau pada **11 Mac 2018 (Ahad)**.
- 9.3. Kaedah pembayaran bagi graduan KKTU/MJII/IKM hendaklah menggunakan medium perbankan elektronik yang disediakan di sistem pendaftaran konvokesyen.
- 9.4. Kaedah pembayaran bagi graduan KPM hendaklah dibuat menggunakan medium perbankan elektronik melalui akaun seperti **Lampiran 2**.
- 9.5. Graduan hendaklah membawa **bukti pembayaran semasa pendaftaran** di kaunter pendaftaran.
- 9.6. Pihak institusi dikehendaki menyemak kehadiran graduan dari masa ke semasa melalui Sistem Pendaftaran yang dinyatakan di klausa 14.1.
- 9.7. Semua bayaran graduasi hendaklah dimasukkan ke akaun ESR (akaun tumpang) di institusi masing-masing.
- 9.8. Skrol dan transkrip graduan hanya boleh dikeluarkan **pada atau selepas** tarikh konvokesyen dengan syarat segala bayaran termasuk bayaran graduasi dan hutang tertunggak (jika ada) telah dijelaskan.
- 9.9. Bayaran graduasi yang telah dijelaskan **tidak** akan dikembalikan kepada graduan yang **tidak** dapat menghadiri majlis tersebut.

10.0. TIDAK HADIR KONVOKESYEN

- 10.1. Graduan yang tidak menghadiri konvokesyen dikehendaki membayar bayaran sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) bagi kos skrol dan transkrip graduasi.
- 10.2. Graduan yang tidak menghadiri majlis konvokesyen boleh menjelaskan bayaran yang dinyatakan di klausa 10.1 pada bila-bila masa (waktu bekerja) di kaunter institusi masing-masing.

11.0. ETIKA PEMAKAIAN GRADUAN

11.1. Graduan yang menghadiri majlis konvokesyen hendaklah, dalam majlis itu, berpakaian seperti berikut (Rujuk **Gambar 1**):

(a) Graduan Perempuan

- Pakaian labuh hingga buku lali/skirt labuh, baju/blaus berlengan panjang dan lengkap menutup hingga ke leher dan pakaian konvokesyen.
- Warna pakaian adalah bebas.
- Bagi yang memakai tudung kepala, dicadangkan agar menggunakan tudung kepala warna cerah supaya mudah disesuaikan dengan warna 'hood' kluster masing-masing.
- Kasut kulit atau PVC berwarna hitam sepenuhnya dan berstoking.
- Kasut sukan/selipar/kasut yang terbuka di belakang **tidak** dibenarkan.
- Skirt pendek atau seluar **tidak** dibenarkan.

(b) Lelaki

- 'Lounge suit' (warna gelap) atau baju kebangsaan (warna gelap) lengkap bersampin, kasut dan pakaian konvokesyen.
- Seluar jeans dan seluar pendek **tidak** dibenarkan.
- Kasut kulit atau PVC berwarna hitam sepenuhnya dan berstoking.
- Kasut sukan/selipar/sandal **tidak** dibenarkan.
- Potongan rambut hendaklah pendek dan kemas.



12.0. KAJIAN PENGESANAN GRADUAN

- 12.1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menjalankan kajian pengesanan graduan sebagai usaha untuk meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan serta sistem pendidikan negara.
- 12.2. Graduan **KKTM, MJII dan IKM** hendaklah melengkapkan borang kajian tersebut secara atas talian di <http://graduan.mohe.gov.my/skpgtvvet> bermula **10 Februari 2018 (Sabtu) hingga 6 April 2018 (Jumaat)**.
- 12.3. Graduan **KPM** hendaklah melengkapkan borang kajian tersebut secara atas talian di <http://graduats.mohe.gov.my/SKPG16> bermula pada **10 Februari 2018 (Sabtu) hingga 6 April 2018 (Jumaat)** (tertakluk kepada perubahan tarikh oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi).
- 12.4. Graduan yang telah melengkapkan borang kajian tersebut perlu mencetak slip pengesahan dan dibawa semasa sesi pendaftaran.
- 12.5. Graduan hendaklah mengisi maklumat terkini status kebolehpasaran dengan betul dan lengkap.
- 12.6. Bagi graduan **KKTM, MJII dan IKM** yang **tidak** menghadiri majlis konvokesyen juga dikehendaki mengisi borang kajian tersebut dalam tempoh seperti klausa 12.2 dan mengemukakan slip pengesahan semasa tuntutan skrol dan transkrip graduasi.
- 12.7. Bagi graduan **KPM** yang **tidak** menghadiri majlis konvokesyen juga dikehendaki mengisi borang kajian tersebut dalam tempoh seperti klausa 12.3 dan mengemukakan slip pengesahan semasa tuntutan skrol dan transkrip graduasi.
- 12.8. Graduan tidak dibenarkan mengambil jubah, skrol dan transkrip jika gagal melengkapkan borang kajian pengesanan graduan.

13.0. JEMPUTAN GRADUAN, JABATAN KERAJAAN / INDUSTRI DAN WAKIL INSTITUSI

- 13.1. Kehadiran Ahli Senat BKT dan BPT adalah diwajibkan menghadiri semua sidang.

- 13.2. Surat jemputan kepada semua graduan akan dikendalikan oleh institusi masing-masing dan format surat akan disediakan oleh Setiausaha JKIK.
- 13.3. Surat jemputan kepada graduan yang layak hendaklah selesai selewat-lewatnya pada **22 Februari 2018 (Khamis)**.
- 13.4. Jemputan bagi agensi luar dan wakil institusi akan dibuat oleh JKIK, di mana setiap institusi dikehendaki menyerahkan senarai jemputan bagi agensi luar dan wakil institusi jika ada kepada Setiausaha JKIK.
- 13.5. Setiap KKTm, MJII dan IKM hendaklah mewakilkan seramai lima (5) orang pegawai termasuk:
 - (a) Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan dan Hal Ehwal Pelajar
 - (b) Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik
 - (c) Ketua Jabatan / Ketua Program atau wakil
- 13.6. Manakala setiap KPM hendaklah mewakilkan seramai tujuh (7) orang pegawai termasuk:
 - (a) Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar
 - (b) Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik
 - (c) Ketua Jabatan / Ketua Program atau wakil

14.0. PENGESAHAN KEHADIRAN DAN PROSES PENDAFTARAN

- 14.1. Graduan KKTm, MJII dan IKM hendaklah mengesahkan kehadiran masing-masing di www.ekemahiran.edu.my/konvo2018. Manakala, graduan KPM hendaklah mengesahkan kehadiran masing-masing di <http://www.konvokesyenkpm.my/>.
- 14.2. Pengesahan kehadiran konvokesyen bagi graduan KKTm, KPM, MJII dan IKM akan mula dibuka pada **12 Februari 2018 (Isnin) sehingga 11 Mac 2018 (Ahad)**.
- 14.3. Kaedah pembayaran adalah seperti yang dinyatakan di klausa 9.3 dan 9.4.
- 14.4. Semua kaunter pendaftaran graduan akan dibuka sehari sebelum tarikh penganugerahan bagi graduan tersebut.
- 14.5. Bagi memudahkan urusan kelancaran majlis konvokesyen, graduan hendaklah muat turun Buku Panduan Graduan di laman web yang dinyatakan di klausa 8.5 dan 8.6.

15.0. BUKU PANDUAN DAN PAS MASUK TETAMU

- 15.1. Buku Panduan Graduan perlu dimuat turun di laman web yang dinyatakan di klausa 8.5 dan 8.6.
- 15.2. Pas Masuk Tetamu akan diberikan di kaunter pendaftaran semasa sesi pendaftaran yang dinyatakan di klausa 8.2.

16.0. PERUNTUKAN KEWANGAN

- 16.1. Peruntukan kewangan adalah menggunakan peruntukan khas majlis konvokesyen dan bayaran graduasi.
- 16.2. Sebarang tuntutan perjalanan dan makan-minum pegawai yang terlibat dalam pengurusan majlis konvokesyen ini hendaklah menggunakan tuntutan perbelanjaan (TNT) institusi masing-masing mengikut peraturan sedia ada.

17.0. PENUTUP

- 17.1. Sebarang perubahan dan pindaan adalah tertakluk kepada keperluan dari masa ke semasa.
- 17.2. Pegawai Mengawal Pusat (PMP) diminta untuk memaklumkan kepada warga kerja, pelajar dan graduan bagi turut menjayakan majlis Konvokesyen Perdana Institusi Pendidikan MARA (KKTMM, KPM, MJII dan IKM) 2018 dengan cemerlang.

Sekian terima kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Membandarkan Luar Bandar”



MAHZAN BIN TEH

Pengarah

Bahagian Kemahiran dan Teknikal

LAMPIRAN 1
SUSUNAN SIDANG

| TAHAP PENGAJIAN | KLUSTER | PROGRAM | INSTITUSI | |
|--|---------------------------------|--|--------------------|----------------|
| SIDANG 1 10 APRIL 2018 (SELASA) 7.00 PAGI | | | | |
| DIPLOMA | ALAM BINA | DIPLOMA REKABENTUK DALAMAN | KKTM REMBAU | |
| | ALAM BINA | DIPLOMA SENIBINA | KKTM PASIR MAS | |
| | AWAM | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN BANGUNAN | KKTM PASIR MAS | |
| | AWAM | DIPLOMA TEKNOLOGI PEMBINAAN (FORENSIK BANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN) | KKTM SRI GADING | |
| | AWAM | DIPLOMA TEKNOLOGI PEMBINAAN (GEOSTRUKTUR) | KKTM SRI GADING | |
| | AWAM | DIPLOMA TEKNOLOGI PEMBINAAN (PERKHIDMATAN BANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN) | KKTM SRI GADING | |
| | AWAM | DIPLOMA TEKNOLOGI PEMBINAAN (SISTEM TERMAJU) | KKTM SRI GADING | |
| | AWAM | DIPLOMA TEKNOLOGI PEMBINAAN (TURAPAN DAN JALANRAYA) | KKTM SRI GADING | |
| | BIOPERUBATAN | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK BIOPERUBATAN (DIAGNOSTIK) | KKTM LEDANG | |
| | BIOPERUBATAN | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK BIOPERUBATAN (MAKMAL) | KKTM LEDANG | |
| | BIOPERUBATAN | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK BIOPERUBATAN (RADIOLOGI DAN PENGIMEJAN) | KKTM LEDANG | |
| | BIOPERUBATAN | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK BIOPERUBATAN (TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI) | KKTM LEDANG | |
| | BIOPERUBATAN | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK BIOPERUBATAN (TERAPEUTIK) | KKTM LEDANG | |
| | | DIPLOMA IN ACCOUNTANCY | | KPM AYER MOLEK |
| | | DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES | | KPM AYER MOLEK |
| SIJIL | CERTIFIED ACCOUNTING TECHNICIAN | | KPM AYER MOLEK | |
| SIDANG 2 10 APRIL 2018 (SELASA) 1.00 PETANG | | | | |
| DIPLOMA | AUTOMOTIF | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AUTOMOTIF | KKTM MASJID TANAH | |
| | ELEKTRIK | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (DOMESTIK & INDUSTRI) | KKTM PASIR MAS | |
| | ELEKTRIK | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA) | KKTM PASIR MAS | |
| | ELEKTRIK | DIPLOMA KOMPETENSI ELEKTRIK (PENDAWAI PW4) | BSR, BST & JSN | |
| | ELEKTRIK | DIPLOMA KOMPETENSI ELEKTRIK (PENJAGA JENTERA A1) | JSN & SIK | |
| | ELEKTRIK | DIPLOMA KOMPETENSI ELEKTRIK (PENJAGA JENTERA A4) | JB, KL, LMT & TSYA | |
| | ELEKTRONIK | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (MIKROELEKTRONIK) | MJII | |

LAMPIRAN 1
SUSUNAN SIDANG

| TAHAP PENGAJIAN | KLUSTER | PROGRAM | INSTITUSI |
|--|---------------------------------------|--|--------------------------|
| SIDANG 2 10 APRIL 2018 (SELASA) 1.00 PETANG | | | |
| DIPLOMA | ELEKTRONIK | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (PENGUKURAN ELEKTRONIK & KAWALAN) | MJII |
| | ELEKTRONIK | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (ROBOTIK & AUTOMASI) | MJII |
| | ELEKTRONIK | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (SISTEM TERBENAM) | MJII |
| | ELEKTRONIK | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (TRANSMISI DATA & RANGKAIAN) | MJII |
| | DIPLOMA IN ACCOUNTANCY | | KPM BERANANG |
| | DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES | | KPM BERANANG |
| | DIPLOMA IN AGRO BUSINESS | | KPM BERANANG |
| | HND IN COMPUTING (SYSTEM DEVELOPMENT) | | KPM BERANANG |
| SIDANG 3 11 APRIL 2018 (RABU) 7.00 PAGI | | | |
| DIPLOMA | ELEKTRONIK | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (INDUSTRI) | KKTM PASIR MAS |
| | ELEKTRONIK | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKATRONIK INDUSTRI | KKTM BALIK PULAU |
| | ELEKTRONIK | HIGHER NATIONAL DIPLOMA IN ELECTRONIC ENGINEERING | KKTM PETALING JAYA |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | DIPLOMA KEJURUTERAAN PEMBUATAN (AUTOMASI INDUSTRI DAN ROBOTIK) | KKTM KUANTAN |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | DIPLOMA KEJURUTERAAN PEMBUATAN (KUALITI DAN PRODUKTIVITI) | KKTM KUANTAN |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | DIPLOMA KEJURUTERAAN PEMBUATAN (PEMBUATAN AUTOMOTIF) | KKTM KUANTAN |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | DIPLOMA KEJURUTERAAN PEMBUATAN (REKABENTUK PEMBUATAN) | KKTM KUANTAN |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | DIPLOMA KEJURUTERAAN PEMBUATAN (TEKNOLOGI DAN PROSES) | KKTM KUANTAN |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL REKABENTUK | KKTM PASIR MAS |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN | KKTM BALIK PULAU |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (ACUAN SUNTIKAN PLASTIK) | KKTM BALIK PULAU |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (ACUAN TEKAN) | KKTM BALIK PULAU |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (REKABENTUK PRODUK) | KKTM BALIK PULAU |
| | MEKANIKAL SERVIS | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PENYAMANAN UDARA DAN PENYEJUKAN | JB |
| | MINYAK & GAS | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN GAS | JB |

LAMPIRAN 1
SUSUNAN SIDANG

| TAHAP PENGAJIAN | KLUSTER | PROGRAM | INSTITUSI |
|--|--|---|--------------------------|
| SIDANG 3 11 APRIL 2018 (RABU) 7.00 PAGI | | | |
| DIPLOMA | MINYAK & GAS | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN LOJI (ELEKTRIKAL) | KKTM KEMAMAN |
| | MINYAK & GAS | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN LOJI (INSTRUMENTASI DAN KAWALAN) | KKTM KEMAMAN |
| | MINYAK & GAS | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN LOJI (MEKANIKAL) | KKTM KEMAMAN |
| | MINYAK & GAS | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN LOJI (PERPAIPAN) | KKTM KEMAMAN |
| | MINYAK & GAS | DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN LOJI (STRUKTUR LUAR PESISIR) | KKTM KEMAMAN |
| | DIPLOMA IN COMPUTER NETWORKING | | KPM INDERA MAHKOTA |
| | DIPLOMA IN ENGLISH COMMUNICATION | | KPM INDERA MAHKOTA |
| | DIPLOMA IN CREATIVE DIGITAL MEDIA PRODUCTION | | KPM INDERA MAHKOTA |
| SIDANG 4 11 APRIL 2018 (RABU) 1.00 PETANG | | | |
| DIPLOMA | PEMROSESAN BAHAN | DIPLOMA TEKNOLOGI PEMROSESAN PLASTIK | KKTM MASJID TANAH |
| | PEMROSESAN BAHAN | DIPLOMA TEKNOLOGI PEMROSESAN POLIMER KOMPOSIT | KKTM MASJID TANAH |
| | PEMROSESAN BAHAN | DIPLOMA TEKNOLOGI PEMROSESAN SERAMIK | KKTM MASJID TANAH |
| | SENI & REKABENTUK | DIPLOMA FILEM DAN ANIMASI DIGITAL | KKTM REMBAU |
| | SENI & REKABENTUK | DIPLOMA REKABENTUK FESYEN | KKTM REMBAU |
| | SENI & REKABENTUK | DIPLOMA REKABENTUK MEDIA DIGITAL | KKTM REMBAU |
| | SENI & REKABENTUK | DIPLOMA REKABENTUK PERABOT | KKTM REMBAU |
| SIJIL | ALAM BINA | SIJIL LANDSKAP | SIK |
| | ALAM BINA | SIJIL SENIBINA | AS, KK, LMT, SP & TSYA |
| | AUTOMOTIF | SIJIL TEKNOLOGI BAIKPULIH BADAN KENDERAAN | JSN, KK, KCH, LMT & TSYA |
| | AUTOMOTIF | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AUTOMOTIF | BSR, KK, KCH, LMT & TSYA |
| | AUTOMOTIF | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AUTOMOTIF (ELEKTRONIK) | BSR |
| | AUTOMOTIF | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AUTOMOTIF (JENTERA BERAT) | JSN |
| | AUTOMOTIF | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN AUTOMOTIF (KOMERSIAL) | JSN & TSYA |
| | AUTOMOTIF | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MARIN | BSR, JB & KCH |

LAMPIRAN 1
SUSUNAN SIDANG

| TAHAP PENGAJIAN | KLUSTER | PROGRAM | INSTITUSI |
|--|--|---|---|
| SIDANG 4 11 APRIL 2018 (RABU) 1.00 PETANG | | | |
| DIPLOMA | DIPLOMA IN ACCOUNTANCY | | KPM INDERA MAHKOTA |
| | DIPLOMA IN ACCOUNTANCY | | KPM BANDAR PENAWAR |
| | DIPLOMA IN INTERGRATED LOGISTIC MANAGEMENT | | KPM BANDAR PENAWAR |
| SIDANG 5 12 APRIL 2018 (KHAMIS) 7.00 PAGI | | | |
| SIJIL | AWAM | SIJIL TEKNOLOGI BEKALAN AIR DAN PEMBENTUNGAN | LMT, SP & TSYA |
| | AWAM | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN BANGUNAN | AS, KK, LMT, SP & TSYA |
| | AWAM | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN LUKISAN STRUKTUR | AS & SP |
| | ELEKTRIK | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (DOMESTIK DAN INDUSTRI) | BSR, BST, JSN, JB, KL, KCH, LMT, SIK & TSYA |
| | ELEKTRIK | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA) | JSN, JB, KK, KL, KCH, LMT, SIK, SP & TSYA |
| | ELEKTRONIK | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (INDUSTRI) | SIK & SP |
| | ELEKTRONIK | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (INSTRUMENTASI) | JB |
| | ELEKTRONIK | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (TELEKOMUNIKASI) | BSR & JB |
| | MEKANIKAL SERVIS | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIK INDUSTRI | JSN, JB & KL |
| | MEKANIKAL SERVIS | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PENYAMANAN UDARA DAN PENYEJUKAN | BSR, BST, KK, KL & SIK |
| DIPLOMA | DIPLOMA IN ISLAMIC BANKING AND FINANCE | | KPM BANDAR MELAKA |
| | DIPLOMA IN ENTREPRENEURSHIP | | KPM BANDAR MELAKA |
| SIDANG 6 12 APRIL 2018 (KHAMIS) 1.00 PETANG | | | |
| SIJIL | ELEKTRONIK | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KOMPUTER | BST, LMT & SIK |
| | ELEKTRONIK | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKATRONIK | BSR, JB & TSYA |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | SIJIL TEKNOLOGI ELEKTRO PENYADURAN | JB |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | SIJIL TEKNOLOGI FABRIKASI LOGAM | KL |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | SIJIL TEKNOLOGI FOUNDRY | LMT |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (LUKISAN REKABENTUK) | BST, JSN, JB, KL, LMT & TSYA |

LAMPIRAN 1
SUSUNAN SIDANG

| TAHAP PENGAJIAN | KLUSTER | PROGRAM | INSTITUSI |
|--|--|---|--|
| SIDANG 6 12 APRIL 2018 (KHAMIS) 1.00 PETANG | | | |
| SIJIL | MEKANIKAL PEMBUATAN | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN | JSN, JB, KL, LMT & TSYA |
| | MEKANIKAL PEMBUATAN | SIJIL TEKNOLOGI KIMPALAN | BSR, BST, JSN, JB, KL, KCH, LMT & TSYA |
| | MINYAK & GAS | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN FABRIKASI PERPAIPAN | BINTULU |
| | MINYAK & GAS | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN FABRIKASI STRUKTUR | BINTULU |
| | MINYAK & GAS | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN OPERASI LOJI | BINTULU |
| | MINYAK & GAS | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMASANGAN ELEKTRIK | BINTULU |
| | MINYAK & GAS | SIJIL TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PENYELENGGARAAN INSTRUMENTASI DAN KAWALAN LOJI | BINTULU |
| | SENI & REKABENTUK | SIJIL REKABENTUK GRAFIK | SP |
| | SENI & REKABENTUK | SIJIL PENGIKLANAN DAN REKABENTUK GRAFIK | SIK |
| | SENI & REKABENTUK | SIJIL TEKNOLOGI REKABENTUK & PEMBUATAN PERABOT | AS, LMT, SP & TSYA |
| | SENI & REKABENTUK | SIJIL TEKNOLOGI UPHOLSTRI INDUSTRI DAN HIASAN DALAMAN | LMT & SP |
| DIPLOMA | HND IN BUSINESS (INFORMATION AND TECHNOLOGY) | | KPM SERI ISKANDAR |
| | HND IN BUSINESS (MARKETING) | | KPM SERI ISKANDAR |
| | DIPLOMA IN INTERNATIONAL BUSINESS | | KPM SERI ISKANDAR |

SINGKATAN:

| BIL | SINGKATAN | INSTITUSI |
|-----|-----------|------------------|
| 1 | AS | IKM ALOR SETAR |
| 2 | BSR | IKM BESERI |
| 3 | BST | IKM BESUT |
| 4 | JSN | IKM JASIN |
| 5 | JB | IKM JOHOR BAHRU |
| 6 | KL | IKM KUALA LUMPUR |
| 7 | LMT | IKM LUMUT |

| BIL | SINGKATAN | INSTITUSI |
|-----|-----------|-------------------|
| 8 | SP | IKM SUNGAI PETANI |
| 9 | SIK | IKM SIK |
| 10 | TSY | IKM TSYA, PEKAN |
| 11 | KK | IKM KOTA KINABALU |
| 12 | KCH | IKM KUCHING |
| 13 | BINTULU | IKM BINTULU |

LAMPIRAN 2
NO. AKAUN KPM

| BIL. | INSTITUSI | KOPERASI | BANK | NO. AKAUN |
|-------------|---------------------------------------|---|----------------------------|------------------|
| 1 | Kolej Profesional MARA Bandar Penawar | Koperasi Kolej Profesional MARA Bandar Penawar Kota Tinggi Berhad | BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD | 01135010001080 |
| 2 | Kolej Profesional MARA Beranang | Koperasi Kolej Profesional MARA Beranang Berhad | BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD | 12092010010864 |
| 3 | Kolej Profesional MARA Indera Mahkota | Koperasi Kolej Profesional MARA Indera Mahkota Berhad | CIMB BANK | 8005357533 |
| 4 | Kolej Profesional MARA Ayer Molek | Koperasi Kolej Profesional MARA Ayer Molek Melaka Berhad | MAYBANK BERHAD | 554110502465 |
| 5 | Kolej Profesional MARA Bandar Melaka | Koperasi Kolej Profesional MARA Bandar Melaka Berhad | MAYBANK BERHAD | 504021279719 |
| 6 | Kolej Profesional MARA Seri Iskandar | Koperasi Kolej Profesional MARA Seri Iskandar Perak Berhad | CIMB BANK | 8004855580 |